

KAJIAN PERSEKITARAN DI SEBUAH KOLEJ UNIVERSITI TERHADAP KESELESAAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

MUHD. NAZMI BIN ISMAIL

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUN 1100



3 0000 00079373 1

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : KAJIAN PERSEKITARAN DI SEBUAH KOLEJ UNIVERSITI
TERHADAP KESELESAAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya

MUHD NAZMI BIN ISMAIL

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (~~PSM/Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap: F 601 JLN. PANTAI MERDEKA PROF. MADYA HJ. AYOB BIN HJ. JOHARI

08500 KOTA KUALA MUDA

KEDAH DARUL AMAN

PROF. MADYA HJ. AYOB B. JOHARI
Timbalan Dekan Akademik/Naib Penyelia
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Tarikh : 25/09/2002

Tarikh : 25/09/2002

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”

Tandatangan

: 

Nama Penyelia

: PROF. MADYA HJ. AYOB BIN HJ. JOHARI

Tarikh

: 25/09/2002

PROF. MADYA HJ. AYOB B. JOHARI
Timbalan Dekan Akademik
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**KAJIAN PERSEKITARAN DI SEBUAH KOLEJ UNIVERSITI TERHADAP
KESELESAAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

MUHD. NAZMI BIN ISMAIL

**Laporan Projek Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER, 2002

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan

: 

Nama Penulis

: MUHD NAZMI BIN ISMAIL

Tarikh

: 25/09/2002

DEDIKASI

Untuk abah, emak dan keluarga tersayang,
Ayahanda; Ismail Bin Hashim
Bonda; Manis Bt. Hashim
Keluarga; Abd. Latif , Mohd. Nasri, Mohd.
Nasir, Mohd. Nazim, Nur Nazuha dan
Muhammad Nizuan.

Terima kasih atas doa dan bantuan kalian.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya saya dapat menyiapkan Projek Sarjana dengan jayanya. Kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia projek iaitu Profesor. Madya Haji Ayob Bin Hj. Johari yang sentiasa memberi nasihat dan tunjuk ajar sepanjang proses penyiapan Projek Sarjana ini.

Istimewa kepada ayah, emak dan keluarga tersayang yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan.

Tidak dilupa kepada pensyarah-pensyarah, rakan-rakan dan sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menyiapkan Projek Sarjana.

Sokongan dan bantuan anda semua sangatlah dihargai, semoga Allah S.W.T memberi ganjaran terhadap bantuan tersebut.

Sekian, Terima Kasih.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap persekitaran di sebuah Kolej Universiti pada persepsi pelajar terhadap keselesaan aktiviti pembelajaran. Terdapat dua aspek utama kajian, persekitaran makro yang menjurus kepada tahap bunyi dan udara manakala persekitaran mikro menjurus kepada tahap prasarana dan persekitaran lanskap. Instrumen soal selidik digunakan dan 400 responden dipilih secara rawak bagi menjawab dan mengemukakan cadangan. Data-data kajian dianalisis secara statistik diskriptif. Hasil kajian menunjukkan tahap udara dan lanskap mempengaruhi keselesaan pelajar di institusi ini. Melalui hasil dapatan, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan dalam usaha mempertingkatkan tahap persekitaran sedia ada.

ABSTRACT

The objective of this research is to know students perception about the level of comfortable on the micro and macro environment at University College. The macro aspects are pointed to physical and landscape environment and the micro aspect are pointed to noisy and air level. Questionnaire is used in order to get the data and four hundred respondents are selected to answer. The data has been analyzed by using descriptive analysis. From this research only air level and landscape aspects are related to give the level of uncomfortable. From the results, researcher suggested some effort to solve the problems.

KANDUNGAN

BAB PERKARA

MUKASURAT

PENGESAHAN PENYELIA	
HALAMAN JUDUL	i
HALAMAN PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
HALAMAN PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

I PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	3
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Batasan Kajian	6
1.7	Kerangka Teori	8
1.8	Definisi Konseptual dan Pengoperasian	9

II SOROTAN KAJIAN

2.0	Pendahuluan	11
2.1	Persekitaran	12
	2.1.1 Persekitaran aktiviti pembelajaran	12
2.2	Keselesaan	13
2.3	Skala Keselesaan	13
	2.3.1 Keselesaan Dalam Sistem Kawalan Manusia	15
	2.3.2 Kajian Berkaitan Keselesaan	16
2.4	Pengaruh Bunyi Kepada Keselesaan	17
	2.4.1 Piawaian Tahap Bunyi Bising Yang Boleh Mengganggu	24
2.5	Pengaruh Tahap Udara Kepada Keselesaan	25
2.6	Pengaruh Prasarana Terhadap Keselesaan	28
2.7	Pengaruh Lanskap Kepada Keselesaan	34

III METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan	40
3.1	Rekabentuk Kajian	40
3.2	Sumber Data	41
	3.2.1 Instrumentasi	41
	3.2.2 Analisis Bahagian C	44
3.3	Penekanan Soalan Soal Selidik	44
3.4	Ujian Rintis dan Kesahan	45
3.5	Kaedah Analisis data	46
3.6	Andaian	46
3.7	Pengukuran Fizikal	47

IV ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	48
4.1	Analisis Data	49
4.2	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Melalui Kajian Rintis	50
4.3	Keputusan Ujian Rintis	50
4.4	Analisis Bahagian B	51
4.4.1	Tahap Bunyi Berdasarkan Persepsi Pelajar Dan Cerapan	51
4.4.2	Tahap Udara Berdasarkan Persepsi Pelajar	54
4.4.2	Tahap Fizikal dan Prasarana Berdasarkan Persepsi Pelajar	55
4.4.3	Tahap Persekitaran Lanskap Berdasarkan Persepsi Pelajar	59
4.5	Analisis Bahagian C	61

V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	65
5.1	Perbincangan	65
5.1.1	Tahap Bunyi Berdasarkan Persepsi Pelajar Serta Cerapan	66
5.1.2	Tahap Prasarana Berdasarkan Persepsi Pelajar	67
5.1.3	Tahap Persekitaran Lanskap Berdasarkan Persepsi Pelajar	66
5.1.4	Tahap Udara Berdasarkan Persepsi Pelajar	68

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Kerangka Teori Keselesaan	8

SENARAI LAMPIRAN

NO.	TAJUK	MUKASURAT
A	Borang soal selidik	77
B	Keputusan ujian rintis	81
C	Laporan kajian rintis	87
D	Analisis diskriptif	89
E	Nilai Cerapan	94
F	Manual pelan persekitaran	97

BAB I

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Kajian persekitaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran merangkumi kajian berkaitan rekabentuk, susunatur atau susunan dan keadaan sekeliling sesuatu infrastruktur yang melibatkan aspek kejuruteraan (Jabatan Kerja Pendidikan, Jabatan Kerja Raya, 1991). Persekitaran kondusif dalam proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan pengurusan persekitaran fizikal yang baik dalam sesuatu pembangunan pengajian tinggi awam atau swasta.

Oleh yang demikian, setiap pembangunan yang dibina perlu ada keperluan ruang dan keperluan fizikal luaran dan dalaman yang mematuhi spesifikasi agar memberi keselesaan kepada sesiapa sahaja. Sebagai contoh, pembinaan sesebuah institusi pengajian memerlukan penelitian yang rapi dari sudut dalaman dan luaran suasana pembelajaran. Kedapatan suasana yang tidak selesa kepada pelajar telah mengganggu tumpuan mereka yang akhirnya menjejaskan kualiti pelajar yang ingin dihasilkan. Kedudukan prasarana pendidikan seperti bilik kuliah, makmal, studio dan bengkel perlu disesuaikan dengan persekitaran pembelajaran untuk mewujudkan '*mood*' di kalangan pelajar, pensyarah dan kakitangan.

Keselesaan seringkali dihubungkan dengan keadaan persekitaran di mana ia merupakan di antara faktor yang utama dalam mewujudkan persekitaran kondusif untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Ee, 1993). Pengaruh persekitaran juga menjadi faktor penyebab kepada kegagalan atau kecemerlangan seseorang.

Kedudukan lokasi prasarana tertentu dalam proses pengajaran dan pembelajaran banyak mempengaruhi kualiti persekitaran. Kedudukan bilik kuliah, saiz bilik kuliah, makmal, perpustakaan dan keadaan sekeliling termasuk laluan pejalan kaki banyak memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran berkualiti akan wujud sekiranya prasarana ini disusun dengan keadaan yang terbaik yang memenuhi kriteria tertentu.

Persekitaran yang tidak kondusif menggugat kualiti aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pencapaian pelajar dan persembahan pendidik seringkali dihubungkan dengan keadaan persekitaran dan prasarana yang tersedia di sesebuah pusat pengajian. Persekitaran kondusif memberi gambaran yang luas meliputi aspek mikro dan makro dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (Al-Sagoff, 1985). Sebagai contoh, persekitaran makro melibatkan perincian bagi kualiti udara dan kualiti bunyi manakala persekitaran mikro pula meliputi keadaan prasarana yang terdapat di dalam aktiviti tersebut termasuklah susunatur dan rekabentuk geometri bangunan serta lanskap di persekitaran institusi pendidikan.

Perancangan rekabentuk bangunan memerlukan kepakaran ilmu seni dan sains. Ia juga memerlukan daya kreatif, sikap pragmatis dan kebolehan untuk menggambarkan alternatif-alternatif mengikut keadaan fizikal dan sosial dalam kehidupan masyarakat kita (Jabatan Kerja Pendidikan, Jabatan Kerja Raya, 1991).

Badan-badan yang dipertanggungjawabkan sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti keadaan persekitaran institusi pengajian dari masa ke semasa mengikut

perkembangan kurikulum pendidikan terkini demi menjamin persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memberangsangkan.

Catatan berikut dalam Garis Panduan Perancangan Tata Atur Ruang dan Binaan Bangunan (1991) perlu diberi perhatian dan pemikiran yang serius:

“The school environment has become an all important part of education ; every detail of the school will have its effect upon the nonhabits and everything that goes on in the school will contribute to the education of children – not only in the class spaces but throuhgout the whole school .” (m.s. 1)

Keperluan ruang yang hendak diwujudkan biasanya akan mencakupi atau menterjemah semangat dan kehendak Falsafah Pendidikan Negara ke dalam aspek senibina dan kejuruteraan. Persekitaran kondusif dapat diwujudkan sekiranya elemen-elemen persekitaran makro dan mikro memenuhi kehendak tertentu.

1.1 Latar Belakang Masalah

Persekitaran makro dan mikro yang tidak kondusif dari segi persekitaran mengakibatkan gangguan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran mikro meliputi rekabentuk dan susunatur prasarana manakala persekitaran makro pula meliputi kualiti udara dan kualiti bunyi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Al-Sagoff, 1995). Perubahan yang berterusan dalam pendidikan telah mendorong susunan dan rekabentuk dalam prasarana pendidikan dan pengurusan persekitaran dipertingkatkan. Persekitaran yang baik memberi lebih keselesaan dan mententeramkan jiwa (Al-Sagoff, 1985).

1.2 Pernyataan Masalah

Persekitaran yang tidak kondusif menggugat aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pencapaian pelajar dan persembahan pendidik seringkali dihubungkan dengan keadaan persekitaran dan prasarana yang tersedia di sesebuah pusat pengajian. Persekitaran kondusif memberi gambaran yang luas meliputi aspek makro dan mikro dalam sistem pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini perlu dijalankan bagi mengenalpasti sejauhmana kualiti persekitaran yang dimaksudkan di sebuah Kolej Universiti. Kepentingan yang bakal diperolehi hasil dari kajian ini antaranya membantu pihak pengurusan dan pentadbiran merancang pembangunan di masa akan datang yang mengambil kira elemen-elemen makro dan mikro dalam mewujudkan persekitaran kondusif (Al-Sagoff, 1985).

Permasalahannya di sini, sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap tahap persekitaran makro dan mikro mempengaruhi keselesaan pembelajaran di Kolej Universiti yang dikaji ?

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab beberapa persoalan seperti berikut :

- a) Sejauhmanakah tahap bunyi di institusi berkenaan mempengaruhi pelajar terhadap keselesaan aktiviti pembelajaran berdasarkan persepsi pelajar?
- b) Sejauhmanakah tahap udara di institusi berkenaan mempengaruhi pelajar terhadap keselesaan aktiviti pembelajaran berdasarkan persepsi pelajar?

- c) Sejauhmanakah tahap prasarana di institusi berkenaan mempengaruhi pelajar terhadap keselesaan aktiviti pembelajaran berdasarkan persepsi pelajar?
- d) Sejauhmanakah tahap persekitaran lanskap di institusi berkenaan mempengaruhi pelajar terhadap keselesaan aktiviti pembelajaran berdasarkan persepsi pelajar?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- a) Mengenalpasti tahap bunyi terhadap keselesaan aktiviti pembelajaran di institusi berkenaan berdasarkan persepsi pelajar.
- b) Mengenalpasti tahap udara terhadap keselesaan aktiviti pembelajaran di institusi berkenaan berdasarkan persepsi pelajar.
- c) Mengenalpasti tahap prasarana terhadap keselesaan aktiviti pembelajaran di institusi berkenaan berdasarkan persepsi pelajar.
- d) Mengenalpasti tahap persekitaran lanskap terhadap keselesaan aktiviti pembelajaran di institusi berkenaan berdasarkan persepsi pelajar.

1.5 Kepentingan Kajian:

Kajian ini diharapkan dapat digunakan untuk :

- 1.6.1 Menjadi rujukan pihak pengurusan Kolej Universiti ini dalam merancang pengurusan persekitaran bertujuan meningkatkan tahap kualiti persekitaran dan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran .
- 1.6.2 Hasil dari kajian ini diharap dapat membantu pendidik dan pelajar mendapat pengetahuan dan maklumat berkaitan pengurusan persekitaran.
- 1.6.3 Memberi cadangan dalam bentuk manual iaitu Manual Pelan Persekitaran Kondusif.

1.6 Batasan Kajian


Antara batasan kajian adalah berlandaskan :

- 1.6.1 Melaksanakan kajian secara tinjauan terhadap tahap bunyi, tahap udara, tahap prasarana dan tahap persekitaran lanskap di persekitaran Kolej Universiti sedia ada secara soal selidik ke atas pelajar.
- 1.6.2 Melaksanakan kajian secara cerapan sebagai sumber pengukuhan bagi aspek bunyi dengan mencerap nilai desibel (dB) secara rawak di sekitar lokasi Kolej Universiti yang dikaji.

- 1.6.3 Sampel kajian ialah seramai 400 orang pelajar yang dipilih secara rawak daripada populasi seramai 5200 orang. Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan kepada jadual penetapan bilangan sampel kajian yang diterbitkan oleh Krejeie dan Morgan (1970).
- 1.6.4 Ukuran persekitaran di Kolej Universiti yang dikaji dalam mempengaruhi keselesaan pelajar hanya berdasarkan kepada persepsi pelajar.

1.7 Kerangka Teori

Kajian ini berpandukan kepada gabungan elemen yang dicadangkan oleh Al-Sagoff (1985) iaitu persekitaran makro dan mikro.



Rajah 1.1 : Kerangka Teori Keselesaan

1.8 Definisi Konseptual dan Pengoperasian

1.8.1 Persekitaran makro

Persekitaran makro merujuk kepada persekitaran dalam ruang lingkup yang luas.

Dalam kajian ini, persekitaran makro merujuk kepada persekitaran bunyi dan persekitaran udara yang wujud di institusi yang dikaji.

1.8.2 Persekitaran mikro

Persekitaran mikro merujuk kepada persekitaran dalam ruang lingkup yang kecil.

Dalam kajian ini, persekitaran mikro merujuk kepada keadaan prasarana bilik kuliah dan persekitaran lanskap yang terdapat di Kolej Universiti.

1.8.3 Keselesaan

Keselesaan menurut Kamus Dewan (1992) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka membawa maksud sebagai keadaan tidak sempit, lega, luas, enak, sedap dan juga senang.

Dalam kajian ini, keselesaan merujuk kepada keadaan stabil dan tidak menerima gangguan.